

11 DEC 2002

Mahathir-Insurans/I

SYARIKAT INSURANS PUNYA SEBAB UNTUK NAIKKAN PREMIUM - DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 11 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kos tinggi bagi rawatan perubatan adalah antara sebab mengapa syarikat-syarikat insurans mahu menaikkan premium insurans kesihatan.

"Syarikat insuran bukannya pertubuhan amal... mereka wujud untuk memenuhi keperluan...dalam erti kata lain bertujuan mampuratakan kos rawatan dalam menghadapi kenaikan kos," kata beliau pada sidang berita selepas melanacarkan buku bertajuk "In The Time Of The Mishmish : A Painting In Twenty Parts" karya Alijah Gordon, di sini.

"Saya rasa syarikat-syarikat insurans sudahpun mencongak kadar insurans mereka dan mereka perlu merangka premium yang dapat menampung kos berkenaan," katanya semasa mengulas laporan akhbar bahawa syarikat-syarikat insurans mungkin menaikkan premium kesihatan anantara 20 hingga 30 peratus.

Beliau mengakui bahawa kos rawatan kini semakin tinggi terutamanya yang membabitkan pembedahan.

Ditanya tentang cadangan Skim Kesihatan Kebangsaan, Dr Mahathir berkata ia memerlukan sokongan rakyat untuk melaksanakannya.

"Rakyat harus sedar bahawa mereka perlu menyumbang (kepada skim itu)," kata beliau.

Beliau memberi contoh bahawa skim kesihatan Britain juga mensyaratkan penduduknya membayar bagi rawatan mereka mengikut kemampuan masing-masing.

"Oleh itu, kita perlu memikirkan tentang sumbangan menerusi bentuk insurans atau sebagainya. Tetapi, pada masa kita meminta rakyat menyumbang, mesti ada bantahan kerana rakyat mahukan ubat secara percuma, begitu juga dengan mereka yang berkemampuan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia mahu memberi ubat secara percuma hanya kepada mereka yang tidak berkemampuan.

Sambil mengimbas kembali zaman lampau, Perdana Menteri berkata Malaysia telah mewarisi sistem pemerintahan Britain di mana rawatan perubatan pada ketika itu adalah percuma.

"Pada masa itu, rawatan hanyalah antara satu atau dua sen...untuk mendapatkan ubat batuk, rakyat perlu membawa sendiri botol mereka," katanya.

Menurutnya jika keadaan itu masih berterusan, kerajaan mampu memberikan ubat secara percuma kepada semua rakyat.

"Tetapi, pada masa kini, sebijik kapsul mungkin berharga 10 dolar atau 20 dolar dan perlu makan empat kapsul sehari untuk lima hari... kos menjadi tinggi dan kerajaan tidak mempunyai dan bagi menyokong kos rawatan yang tinggi itu," katanya.

-- BERNAMA

LIB LIB NAK